



JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)

IKLAN PENGAMBILAN

**PERSONEL MySTEP DI JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan di Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi jawatan di bawah:

Pengaturcara Sistem (1 kekosongan)

1. Jawatan : Pengaturcara Sistem (Diploma)
2. Taraf Jawatan : Kontrak (Personel MySTEP)
3. Jadual Gaji : RM 2,100.00 (EPF & SOCSO)
4. Penempatan : Semenanjung Malaysia

Bil.	Negeri	Kekosongan
1.	Putrajaya	Putrajaya - (1)

5. Syarat Lantikan:

5.1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
- c) (i) Sijil dalam bidang Teknologi Maklumat, Rangkaian Komputer atau bidang yang berkaitan atau Sijil yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
(ii) Diploma dalam bidang Teknologi Maklumat (IT) /Sains Komputer /Kejuruteraan Perisian dan berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setarafnya.

- d) Calon bagi lantikan **hendaklah memiliki Keupujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

6. Ringkasan Tugas:

- a) Pembangunan sistem teknologi maklumat.
- b) Pelaksanaan penambahbaikan sistem Idamak.
- c) Membantu perancangan penyelenggaraan sistem.
- d) Membantu menyediakan pelaporan sistem kemudahan.

Pembantu Pentadbiran Pejabat (1 kekosongan)

- 1. Jawatan : Pembantu Pentadbiran Pejabat (SPM)
- 2. Taraf Jawatan : Kontrak (Personel MySTEP)
- 3. Jadual Gaji : RM 1,900.00 (EPF & SOCSO)
- 4. Penempatan : Semenanjung Malaysia

Bil.	Negeri	Kekosongan
1.	WP Putrajaya – Ibu Pejabat	Putrajaya - (1)

5. Syarat Lantikan:

5.1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
- c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
- (ii) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf; atau

- (iii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (iv) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

d) Calon bagi lantikan **hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

e) Keutamaan adalah kepada Orang Asli.

6. Ringkasan Tugas:

- a) **Pengurusan Dokumen** – Membantu pengurusan dokumen-dokumen rasmi di Jabatan.
- b) **Urusan Surat - Menyurat** - Membantu urusan surat-menyurat Jabatan.
- c) **Urusan Kaunter Khidmat Pelanggan** - Membantu tugas di kaunter (jika perlu)
- d) **Pengurusan Bancian Orang Asli** - Membantu menyediakan, mengemaskini dan merekod data maklumat kampung dan penduduk Orang Asli.

CARA MEMOHON

1. Semua permohonan hendaklah menggunakan **Borang Permohonan JAKOA/A1.513** yang boleh di dapati di Laman Sesawang JAKOA <https://www.jakoa.gov.my/umum> dan disertakan dengan:
 - a) **Salinan kelayakan akademik seperti Sijil Pelajaran Malaysia/ Diploma/ Ijazah;**
 - b) **Salinan sijil kelahiran;**
 - c) **Salinan kad pengenalan;**
 - d) **Gambar berukuran passport;**
 - e) **Pilihan penempatan; dan**
 - f) **Resume**
2. Permohonan akan **ditolak** sekiranya:
 - a) Tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan;
 - b) Tidak lengkap atau tidak terang;
 - c) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - d) Tidak ditandatangani;
 - e) Permohonan dihantar melalui Whatsapps/Telegram dan setarafnya; dan
 - f) Diterima selepas tarikh tutup permohonan.
3. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 09 JULAI 2026 (KHAMIS)**

4. PENGHANTARAN PERMOHONAN

Borang permohonan hendaklah dihantarkan melalui **pos atau emel** ke alamat seperti berikut;

**Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia
Aras 9, Blok A, Bangunan Suasana PjH
Lot 2C5, Presint 2, Jalan Tun Abdul Razak
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 WP PUTRAJAYA**

Atau

pengambilan@jako.gov.my

5. TEMU DUGA

Hanya pemohon yang layak dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil menghadiri temu duga. Permohonan adalah dianggap **Tidak Berjaya** sekiranya pemohon tidak menerima sebarang panggilan ke temu duga dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh tutup iklan.

6. KEPUTUSAN

Keputusan temu duga hanya akan dimaklumkan kepada pemohon yang berjaya sahaja. Keputusan pelantikan secara rasmi akan dimaklumkan setelah mendapat perakuan pelantikan daripada Pihak Berkuasa Melantik.

- Calon berjaya digalakkan membawa komputer riba (laptop) peribadi bagi melaksanakan tugas berkaitan.
- Sebarang pertanyaan lanjut berhubung permohonan calon boleh menghubungi pegawai JAKOA di talian **03 – 8090 3600 sambungan (3648/ 3615/ 3638)**